

Perang Israel-Palestin

‘Bangsa Palestin tak boleh dihapus’

Kerajaan mesti bantah sikap AS dalam kes pembunuhan penduduk Gaza

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa kerajaan supaya mengambil tindakan lebih tegas terhadap Amerika Syarikat (AS).

“Ya, memang kita perlu ada hubungan dengan mereka kerana dagangan, tetapi walau demikian ada cara lain menunjuk betapa kita tolak sikap AS dalam pembunuhan orang Palestin,” katanya ketika berucap pada malam kemuncak piket solidariti untuk Palestin berhampiran Kedutaan Amerika Sya-

rikat, Jalan Tun Razak di sini, malam kelmarin.

Dr Mahathir berkata, beliau gembira kerana semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, parti, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), bersatu dan berpendirian sama dalam isu Palestin.

“Kita semua menolak sifat dan sikap Israel dan AS yang membunuh orang Palestin secara terang-terangan cuba menghapuskan bangsa Palestin.

“Bangsa Palestin tidak boleh dihapuskan. Anak mereka akan besar dan mereka tidak akan lupa kezaliman dibuat terhadap bangsa mereka. Saya yakin sampai bila-bila pun orang Israel tidak akan selamat kerana kekejaman dan ketidakadilan dilakukan terhadap orang Palestin,” katanya.

Malam kemuncak piket solidariti untuk Palestin itu yang diadakan sejak Selasa lalu dihadiri lebih 200 orang termasuk orang kenamaan.

Antara pemimpin yang hadir pada malam penutup piket ‘Kepung Demi Palestin’ itu ialah



Dr Mahathir bersama Mohamad pada piket ‘Kepung Demi Palestin yang berlangsung berhampiran Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, malam kelmarin.

(Foto BERNAMA)

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu; Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad dan aktivis sosial Tian Chua.

Selain ceramah, antara pengisian yang diadakan bermula jam 8 malam ialah persembahan muzik dan pameran gegantung memamerkan sejarah penindasan Israel terhadap rakyat Palestin.

Pekarangan perhimpunan itu turut dihiasi dengan nyalaan lilin yang membentuk perkataan ‘Save Gaza.’

Piket membabitkan 48 NGO yang merangkumi organisasi masyarakat, pertubuhan pemuda dan pelajar serta kelompok politik daripada pelbagai spektrum, dianjurkan sebagai simbolik pengepungan terhadap Gaza selain menuntut supaya pembunuhan terhadap rakyat Palestin dihentikan manakala gencatan senjata dilaksanakan segera.

Antara NGO yang mengambil bahagian ialah Majlis Perundingan Islam Malaysia, Sejagat, Viva Palestina Malaysia, Yayasan Al Quds Malaysia, Suara Rakyat Malaysia serta Gabungan Wanita Malaysia untuk Al-Quds dan Palestin.

Tak jejas hubungan dengan AS

Sementara itu, Mohamad berkata, kempen anti-Israel dan AS yang sedang giat berlangsung kini tidak menjejaskan hubungan diplomasi antara Malaysia dengan AS.

Beliau berkata, kerjasama hubungan diplomatik Malaysia adalah seperti biasa dengan komuniti dunia.

“Tetapi kita kena buat teguran, seperti di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kita tak mengundi bersama Amerika dan soal diplomatik soal lain.

“Rusuhan dan kempen tunjuk perasaan berlaku di seluruh dunia. Memang semua orang tahu.

Rejim Israel dah kalah tetapi kerana Amerika, kalau Amerika tarik sokongan esok Israel akan adakan gencatan senjata,” katanya kepada pemberita pada program sama.

Mohamad berkata, sikap Kerajaan AS yang terus mendukung Israel tidak dipersetujui oleh rakyat Malaysia.

Sebelum itu dalam ucapannya pada majlis sama, beliau berkata, peperangan sudah berlangsung selama tiga bulan namun Israel masih gagal mengalahkan Hamas.

Nik Nazmi pula berkata usaha kerajaan yang terus menyuarakan hak dan isu penindasan terhadap rakyat Palestin di Gaza telah mendapat perhatian masyarakat dunia.

“Kita nak hantar satu mesej yang jelas bahawa rakyat di seluruh dunia termasuk Malaysia tidak akan berdiam diri selagi hak rakyat Palestin tidak dihormati,” katanya.